



## SIARAN AKHBAR

### PELAKSANAAN SISTEM AUTOMATED CLEARING HOUSE BRUNEI Hari Khamis, 19 Sya'ban 1437 bersamaan dengan 26 Mei 2016

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), dengan kerjasama *Brunei Association of Banks* (BAB), telah melaksanakan sistem *Automated Clearing House* (ACH) Brunei pada Hari Khamis, 19 Sya'ban 1437 bersamaan dengan 26 Mei 2016. Pelaksanaan ini adalah selaras dengan Perintah AMBD, 2010 dan 2015, di mana AMBD mempunyai tanggungjawab untuk membangun, mengurus dan menyelia sistem pembayaran Negara Brunei Darussalam.
2. Sistem ACH ini adalah sistem pembayaran yang membolehkan pelanggan untuk menghantar cek yang telah diimbas bagi penjelasan secara elektronik dan adalah menggantikan proses salinan cek kertas yang digunakan selama ini. Ianya juga membolehkan penghantaran elektronik kredit secara langsung, dan dengan itu, menghapuskan instrument-instrumen berdasarkan kertas.
3. Penjelasan cek secara elektronik akan dilaksanakan terlebih dahulu di ACH Brunei dan seterusnya *Manual Cheque Clearing House* akan ditamatkan. Pelanggan yang menggunakan cek tidak akan terjejas dengan proses penjelasan baru ini, mengambilkira cek akan dihantar melalui kaedah elektronik dan akan masih dijelaskan dua hari kemudian (T+2). *Cashier's Cheque* dan cek yang bernilai tinggi akan diproses dengan jadual yang berbeza. Perkhidmatan *special clearing* masih boleh didapati seperti biasa.
4. Fasa seterusnya bagi projek ACH Brunei ini adalah pelaksanaan pemindahan kredit am (*general credit transfer*), di mana pelanggan akan dapat memindahkan sejumlah wang antara bank-bank secara elektronik dalam waktu nyata (*real-time*).
5. Sistem terbaru ACH ini, bersama dengan sistem penyelesaian antara bank-bank (RTGS) yang diperkenalkan pada tahun 2014, akan dapat menyokong pembangunan pembayaran elektronik *retail* di Negara Brunei Darussalam. Nilai yang terhad dan kos yang agak tinggi bagi penggunaan cek akan mendorong pelanggan untuk memilih sistem elektronik yang lebih dipercayai, cekap dan selamat di masa akan datang, dan seterusnya mengurangkan pergantungan kepada cek.
6. Selepas pelancaran sistem ACH Brunei ini, bank-bank dan pelanggan-pelanggan akan diberi tempoh selama enam bulan untuk memastikan peralihan proses berjalan dengan lancar. Dalam tempoh ini, pelanggan tidak akan dikenakan bayaran bagi transaksi cek yang menggunakan ACH. Setelah itu, pihak bank, masing-masing, akan memaklumkan kos yang akan dikenakan bagi penggunaan perkhidmatan ACH, dan untuk mengurangkan risiko yang berkaitan dengan penggunaan cek, AMBD akan memaklumkan had nilai cek antara bank-bank.

7. Bagi maklumat lanjut, orang ramai boleh memuat turun AMBD App secara percuma melalui ‘App Store’ bagi pengguna iPhone dan ‘Google Playstore’ bagi pengguna Android; atau melayari laman web AMBD di <http://www.ambd.gov.bn>

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Date : 21 Syaaban 1437 / 28 May 2016

Ref : AMBD/COMMS/2016/3